

DISEMBER 2020



# cossia

■ KERJASAMA ■ HORMAT ■ INTEGRITI ■ DINAMISME ■ SEMANGAT

## TERIMA KASIH WARGA FGV



# ■ NOTA GCEO

## Selamat Datang 2021

Warga FGV sekalian,

Menyorot kembali 2020 yang bakal melabuhkan tirai, kita akan mengingati pandemik COVID-19 sebagai titik perubahan di dalam pelbagai aspek kehidupan. Dari cara kita bekerja sehingga kesannya kepada ekonomi dunia. Norma dunia telah berubah dan kita perlu terus berdaya tahan di dalam persekitaran yang sangat mencabar ini.

Di sebalik cabaran tersebut, kita perlu bersyukur kerana 2020 memberi peluang mempelajari perkara-perkara baharu serta membuat pelbagai perubahan positif.

Bak kata pepatah, sekali air bah, sekali pantai berubah.

Pelbagai penyesuaian semula yang signifikan telah dijalankan untuk melancarkan operasi Kumpulan. Nilai-nilai PRIDE - Kerjasama, Hormat, Integriti, Dinamisme dan Semangat – memainkan peranan penting serta membimbing cara kita menangani cabaran-cabaran luar biasa ini.

Untuk melindungi Warga FGV, Kumpulan telah memperkuuhkan standard keselamatan serta menerapkan langkah-langkah ketat untuk meminimumkan risiko jangkitan seperti

mengamalkan penjarakan fizikal, meningkatkan prosedur kebersihan serta komunikasi berterusan menerusi COVID-19 Task Force.

Alhamdulillah, walaupun menghadapi pelbagai cabaran operasi, industri sawit dapat bertahan kerana harga komoditi yang meningkat kebelakangan ini. Ia menyumbang terhadap keuntungan pada suku kedua dan ketiga. Namun kita harus sedar bahawa kewangan Kumpulan masih belum pulih dari kesan kerugian lampau dan perlu terus berhemah di dalam perbelanjaan.

Bagi pihak Lembaga Pengarah dan Pengurusan, saya merakamkan jutaan terima kasih kepada semua petugas termasuk di anak-anak syarikat dan syarikat usahasama, di atas kerja keras untuk memberi pulangan yang baik kepada Kumpulan.

Menjelang tahun baharu, saya pasti kita semua mengimpikan 2021 yang lebih cemerlang. FGV telah merangka Pelan Perniagaan 2021-2023 (BP23) dan akan memberi fokus kepada perniagaan-perniagaan baharu yang boleh memberi keuntungan lebih baik kepada Kumpulan.

Untuk makluman semua, Lembaga Pengarah telah meluluskan BP23 dan sesi penerangan akan dijalankan di setiap sektor bagi menjelaskan kepada semua petugas akan sasaran-sasaran yang telah ditetapkan.

Kita telah melalui fasa pemulihan sejak tiga tahun yang lepas dan kita telah mewujudkan dua sektor baharu iaitu Pertanian Bersepadu dan Barang Pengguna.

Di bawah BP23, lebih banyak perniagaan baharu dan barang pengguna berjenama

yang lebih menarik akan diwujudkan. Ini akan menguatkan lagi visi FGV untuk menjadi bukan sahaja syarikat perladangan, tetapi syarikat agribisnes bersepadu yang utama di Malaysia dan di dunia, insya-Allah.

Saya percaya, visi ini boleh menjadi kenyataan dengan kerjasama, kerja keras dan usaha berterusan daripada semua pihak.

Dalam pada itu, FGV juga bakal melalui fasa pengambilalihan oleh FELDA. Hal ini telah pun diuar-uarkan di media dan Pengurusan akan membuat pengumuman kepada Bursa Malaysia untuk menjadi pengetahuan umum dari semasa ke semasa.

FGV akan terus telus di dalam menghadapi perubahan ini. Tugas kita adalah memastikan pengoperasian secara bersungguh-sungguh demi memastikan segala rancangan yang ditetapkan dapat berjalan dengan baik.

Seperti yang saya tegaskan sebelum ini, sebagai petugas kita mempunyai amanah dan tanggungjawab untuk memastikan Kumpulan terus berdaya saing dan membuat keuntungan.

Kita harus tetap positif dan optimis dalam menghadapi semua cabaran serta kekal komited untuk menyumbang ke arah masa hadapan FGV yang lebih berjaya.

Akhir kata, saya mendoakan agar 2021 menjadi tahun yang lebih baik untuk kita semua. Teruslah menjaga kesihatan dan keselamatan diri serta keluarga di dalam menghadapi pandemik yang masih belum berakhir ini.

Selamat Tahun Baharu 2021.

Terima kasih.

*Dato' Haris Fadzilah Hassan  
Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan  
FGV Holdings Berhad*





## 76 Lori Tangki FGV Transport Terima Sijil Halal JAKIM

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah mengeluarkan pensijilan logistik halal kepada FGV Transport Services Sdn Bhd untuk 76 lori tangki yang beroperasi di depot Pasir Gudang, Johor. Pensijilan logistik halal ini adalah bagi kategori Sistem Pengurusan Rantaian Bekalan Halal untuk pengangkutan yang merangkumi perkhidmatan pengangkutan produk cecair berasaskan sawit seperti minyak sawit mentah, minyak isirong sawit dan minyak sawit sudah diproses. Lori tangki terbabit memperoleh pengiktirafan halal sesuai dengan standard kualiti yang ditetapkan Standard Malaysia MS2400-1:2010, di mana setiap aspek Halalan Toyibban dan amalan kebersihan dipraktikkan bagi menjamin status halal produk yang dibawa.



## FGV Urus 1,084 Pekerja Migran Pulang ke Negara Asal

Bagi menghormati hak pekerja migran, FGV memastikan pekerja yang telah tamat kontrak dihantar pulang dengan selamat di antara Mac hingga Disember 2020 dengan kos penghantaran pulang mereka ke negara asal termasuk tambang penerbangan ditanggung sepenuhnya oleh syarikat. Pihak Jabatan Tenaga Kerja Asing menghadapi pelbagai cabaran seperti penerbangan yang amat terhad dari Malaysia ke negara asal pekerja FGV khususnya ke Indonesia, India dan Bangladesh seta jadual penerbangan yang seringkali ditunda atau dibatalkan akibat peningkatan penularan COVID-19 di seluruh dunia,. Daripada 1,084 orang ini, seramai 661 daripadanya adalah dari Indonesia, India (295), Bangladesh (126) dan Nepal (2).

## FGV Dairy Farm Sasar Hasilkan 30,000 liter Susu Segar Sehari

FGV Dairy Farm Sdn Bhd (FGVDF) telah berada dalam kedudukan yang baik dalam pencapaian bidang pemprosesan susu segar dan perniagaan ternakan tenusu. FGVDF juga menerima penambahan 130 lembu tenusu kacukan yang diimport dari Australia di mana baka lembu tenusu tersebut adalah Jersey dan Friesien. Perkara ini memberi peluang kepada FGV untuk mendapat manfaat daripada penggantian import dan berazam untuk menjadi pemain industri yang signifikan bagi pengeluaran susu segar tempatan di Malaysia. Sejak penubuhan projek ladang tenusu pada bulan Mac 2020, jenama premium "Bright Cow" telah memproses lebih daripada 500,000 liter susu segar untuk penggunaan tempatan, disumbangkan oleh susu segar yang dihasilkan di ladang tenusu Linggi milik FGV serta ladang tenusu luar.



## 28,000 Pekerja Migran Dapat Manfaat FGV

Sebanyak RM5.6 juta setahun diperuntukkan bagi kemudahan kesihatan serta manfaat seramai 28,000 pekerja migran FGV. Peruntukan ini bagi membolehkan pekerja migran mendapatkan kemudahan rawatan pesakit luar dan pemeriksaan kesihatan di klinik berhampiran. Selain itu, FGV turut menanggung kos perubatan dan rawatan bagi pekerja yang memerlukan rawatan tempoh lama di hospital, sama ada akibat kemalangan di dalam dan luar tempat kerja atau bagi penyakit kronik atau bukan kronik. Langkah proaktif juga telah diambil dengan membina klinik di kawasan ladang FGV di bawah nasihat Kementerian Kesihatan. Setakat ini peruntukan sebanyak RM350,000 disediakan bagi membina lima klinik di ladang di Aring (Kelantan), Selendang 3, Lepar Utara 11 dan Kechau 2 (Pahang) serta Sahabat 36 (Sabah) yang mana kemudahan kesihatan berhampiran adalah terhad.



## WIRA FGV

# Keselamatan Kenderaan Syarikat Keutamaan Doktor Enjin



Bergelumang dengan minyak hitam, kotor dan keringat bukanlah perkara asing bagi seorang yang boleh digelar 'Doktor Enjin' ini. Kepakarannya sentiasa ditagih, dan beliau sedia berkhidmat pada bila-bila masa yang diperlukan tidak kira siang maupun malam. Begitulah gambaran kerjaya yang dilalui oleh pilihan 'Wira FGV' kali ini, Rohaizam Mohammed.

Memulakan tugas pada Ogos 2003, beliau ketika itu hanyalah seorang pelatih mekanik di Felda Transport Services Sdn Bhd (kini FGV Transport) depot Serting, Negeri Sembilan. Namun, pengalaman berharga yang diraih selama 17 tahun berkhidmat di dalam Kumpulan FGV ini banyak membantu mengembangkan lagi minat dan kemahiran beliau dalam bidang automotif.

Menurut Rohaizam, kerjaya sebagai seorang mekanik sememangnya memerlukan minat dan kesungguhan yang tinggi. Selain menuntut komitmen yang besar, bidang ini juga memerlukan ketelitian dalam menjalankan tugas kerana sebarang kesilapan yang dilakukan mampu mengundang padah dan menjelaskan keselamatan orang lain.

"Apabila melibatkan nyawa dan harta syarikat, kita perlulah berkerja dengan

sebaik mungkin bagi mengelakkan sebarang insiden yang tidak diingini berlaku, contohnya seperti kejadian brek yang gagal berfungsi dengan baik. Ini tentunya menjelaskan keselamatan pengguna jalanraya yang lain, pemandu, dan juga barang pelanggan yang dibawa. Tanpa minat, tidak mungkin seseorang itu mampu menggalas tugas dengan baik dan bertahan lama di dalam kerjaya ini", kata Rohaizam.

Menyentuh rutin beliau di bengkel, tugas harian akan dimulai dengan taklimat ringkas bersama dengan rakan-rakan lain sebelum agihan tugas mula diberikan. Ini bagi memastikan setiap aspek pekerjaan dapat dijalankan mengikut keutamaan yang diberi. Ini termasuk membaik pulih kenderaan-kenderaan yang rosak agar 'waktu rosak' (*down time*) di bengkel dapat dikurangkan bagi memastikan operasi harian pengangkutan FGV tidak terjejas.

Selain itu, tugas-tugas penyelenggaran kenderaan secara berjadual juga dilakukan pada masa yang ditetapkan agar kenderaan-kenderaan ini dapat berfungsi dengan baik dan lancar seterusnya dapat membantu syarikat menjimatkan kos penggantian alat ganti yang mahal.

Kecekapan seorang mekanik di FGV Transport amat berharga sekali. Kini, Rohaizam bukan sahaja mampu membaik pulih pelbagai jenis model lori, tetapi beliau juga mahir mengendalikan diagnosis berkomputer bagi lori-lori Volvo FGV yang dikendalikan di pusat servis utama Volvo di Shah Alam.

"Pengalaman berharga saya ialah ketika diminta oleh syarikat untuk berkongsi pengalaman dan kepakaran yang ada bersama dengan rakan-rakan di FGV Transport Sahabat, terutamanya aspek pengendalian diagnosis berkomputer serta pembaikan pelbagai jenis model kenderaan lori Volvo", jelas beliau yang kini menjawat jawatan sebagai Ketua Mekanik di FGV Transport, Pelabuhan Kelang.

Beliau turut berharap agar Kumpulan FGV khususnya FGV Transport dapat meningkatkan lagi penggunaan teknologi baharu dalam sektor pengangkutan pada masa akan datang. Ini bagi memastikan Kumpulan FGV tidak ketinggalan dalam penggunaan aplikasi terkini di samping membolehkan para petugas menambahkan lagi kemahiran baharu mereka menerusi siri latihan yang bakal dihadiri.

## Kilang Sawit Embara Budi Capai Pengiktirafan Tertinggi 3 Bintang Pensijilan Amalan Persekutaran Berkualiti (QE/5S)

Kilang Sawit Embara Budi, Lahad Datu, Sabah telah dianugerahkan pensijilan Amalan Persekutaran Berkualiti (QE/5S) bertaraf "3 Bintang" oleh Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) baru-baru ini, pencapaian tertinggi yang dicatat oleh mana-mana kilang sawit di Malaysia. Ini jelas membuktikan keberkesanan konsep Model Perladangan yang diilhamkan dan digerakkan oleh Bahagian Kecemerlangan Operasi FGV dalam mengubah dan merealisasikan pelan

transformasi syarikat.

Dalam tempoh waktu sukar serta cabaran menangani isu pandemik COVID-19 ini, pengurusan dan pasukan KS Embara Budi telah membuktikan dengan sokongan dan komitmen tinggi semua pihak, kejayaan luar biasa dapat dicapai.

Sijil telah disampaikan oleh Mokhzani Aris Mohd Yusof, Pengarah MPC Wilayah Sabah kepada Mohd Yusof

Abdullah, Ketua Kawalan dan Proses Kilang, FGVPI Sdn Bhd dan disaksikan petugas-petugas KS Embara Budi. Turut disampaikan satu sijil penghargaan kepada Ahmad Shazwi, Pengurus KS Embara Budi kerana memenangi tempat kedua dalam pertandingan video pendek anjuran MPC Wilayah Sabah.

Seluruh warga kerja Kumpulan FGV berbangga dan mengucapkan sekalung tahniah di atas kejayaan ini!



## ■ Perkongsian Pengetahuan Perolehan antara FGV dan PERKESO

Perolehan Kumpulan FGV bersama-sama dengan Perolehan PERKESO telah mengadakan sesi perkongsian pengetahuan secara maya yang merangkumi topik "Bagaimana Perolehan Strategik Memperbaiki Perolehan?". Sesi siaran langsung secara maya ini telah dihadiri oleh peserta Perolehan dari kedua-dua organisasi seramai hampir 50 orang.

Sepanjang sesi yang memberangsangkan ini, kedua-dua pihak bertukar pendapat dan pengetahuan berkaitan kaedah perolehan, transformasi perolehan, pelaksanaan perolehan strategik, urus tadbir polisi perolehan, amalan perolehan terbaik dan juga

kebolehupayaan perolehan berubah mengikut situasi terutama semasa dalam suasana pandemik COVID-19.

lanya merupakan cara terbaik untuk mendapatkan pengetahuan baharu yang

sangat berguna kepada kedua-dua organisasi bagi mencapai kejayaan yang terunggul di dalam membina komuniti pembelajaran dalam perolehan.



## Selamat Maju Jaya Peserta ACe FGV 2020



KU IZZAT IQHMAL  
KU ISMAIL



ANIS ATHIRAH  
ROS AZIZI



VINNOTHRAJ YEESVARAN



ANIS IZZATI  
MOHD ASRI



SYAIRAH KHARUDIN




NUR AINA AZMAN



AHMAD MAHEER ISMAIL



PUTERI NUR SABRINA  
FADZIL



HANA MARYAM  
MOHAMMAD KAMAL

Sembilan petugas FGV menyahut cabaran program Pensijilan Akauntan FGV (ACe) untuk menjadi akauntan bertaullah dengan pensijilan ACCA, CIMA, ICAEW, CPA, MICPA atau yang setaraf dengannya. Di bawah program ini, peserta akan mendapat manfaat daripada pengalaman kerja dan bimbingan daripada mentor yang terdiri daripada akauntan bertaullah sedia ada di dalam FGV. Mentor-mentor ini juga telah berkhidmat di dalam Kumpulan FGV di antara 10 ke 25 tahun dan berpengalaman luas di dalam pengurusan perniagaan serta kewangan anak-anak syarikat kumpulan FGV.

Sebagai majikan yang diiktiraf oleh Badan Perakaunan Profesional untuk

ACCA, CIMA, dan ICAEW, proses pensijilan akan menjadi lebih lancar dan memberi faedah kepada semua peserta.

Program ini telah dilancarkan secara maya oleh Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Dato' Haris Fadzilah Hassan pada 23 Disember dan turut disertai oleh Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan, Dato' Mohd Hairul Abd Hamid, Pengawal Kewangan Kumpulan, Aznur Kama Azmir dan Ketua Pegawai Sumber Manusia Kumpulan, Siti Norbaya Mohammad Sarif.

Peserta program merupakan petugas FGV yang berusia di antara 23 hingga 32 tahun dan memiliki ijazah di dalam bidang perakaunan.

Di dalam ucapan beliau, Dato' Haris menyatakan bahawa sebagai syarikat yang menerapkan budaya berprestasi tinggi, program ACe FGV merupakan satu contoh yang baik untuk melahirkan petugas yang profesional di samping bijak menguruskan masa di antara tugas dan pelajaran.

"Dengan mentor yang memberikan tunjuk ajar, saya berharap kesemua petugas akan berjaya mendapatkan pensijilan masing-masing dengan cemerlang," ujarnya.

Semua peserta diberi tempoh tiga tahun untuk mendapatkan pensijilan masing-masing di bawah program ini.

## Tumbuk Rusuk: Dari Norma Baharu Ke Norma Biasa

Bersempena dengan Hari Integriti Sedunia pada 7 Disember, Bahagian Tadbir Urus & Pengurusan Risiko Kumpulan telah melaksanakan pelbagai aktiviti bagi meningkatkan kesedaran dan membudayakan integriti dalam kalangan petugas Kumpulan FGV.

Pembudayaan integriti diharap dapat melahirkan petugas yang lebih efisien, produktif dan beretika, selain

mampu mewujudkan mekanisme kawalan bagi pematuhan peraturan dan dasar yang telah ditetapkan untuk mengurangkan statistik kesalahan tatatertib.

Antara aktiviti yang dijalankan adalah peraduan teka silangkata, hebahan infografik dan ceramah integriti oleh penceramah bebas, Mohd Firdaus Ramlan pada 18 Disember. Ceramah bertajuk "Tumbuk Rusuk: Norma Baharu Ke Norma Biasa" disampaikan secara dalam talian dan ditonton oleh lebih dari 100 peserta. Dalam ceramah tersebut, beliau berkongsi pengalaman sebagai pesalah rasuah selain menekankan perkara-perkara berikut:

- Kepentingan integriti kepada prinsip tadbir urus yang baik (*good governance*)

selain dari prestasi kerja, pematuhan undang-undang, akauntabiliti dan profesionalisme.

- Penekanan kepada sumber rezeki yang halal dan mengatakan tidak kepada sumber rezeki yang tidak halal.
- Menasihatkan petugas agar jangan sesekali cuba "merasai" rasuah sama ada memberi, meminta atau menerima kerana kesannya ke atas diri dan keluarga amat besar.
- Pengenalan penguatkuasaan peruntukan baharu seksyen 17A Akta SPRM tentang liabiliti korporat.

Beliau turut berpesan kepada semua petugas agar menghargai kerjaya dengan meningkatkan kredibiliti diri dan seterusnya menjadi petugas yang cemerlang serta berintegriti.



*Mohd Firdaus Ramlan*

## Persatuan Bomba Sukarela PPPTR Jalani Latihan Menyelamat

Persatuan Bomba Sukarela (PBS) Pusat Penyelidikan Pertanian Tun Razak (PPPTR) telah didaftarkan di bawah Pendaftaran Penubuhan Malaysia (eROS) melalui sekretariat peringkat negeri Pahang pada 18 Februari 2013.

Keahlian terbuka kepada semua kakitangan PPPTR dan sehingga kini keanggotaannya mencecah seramai 40 orang ahli. Tujuan penubuhan PBS ini adalah untuk mewujudkan pasukan sukarelawan yang terlatih dan kompeten bagi menghadapi kecemasan seperti kebakaran, banjir dan sebagainya.

Bagi memastikan PBS sentiasa siap siaga menghadapi sabarang kecemasan, latihan berkala telah dirancang dan dijalankan dengan kerjasama Jabatan Bomba dan Penyelamat, Jengka.

Memandangkan bulan Disember adalah musim tengkujuh dan PPPTR merupakan antara kawasan yang berisiko banjir, PBS mengambil inisiatif untuk menjalankan latihan pengendalian bot dan menyelamat mangsa pada 18 Disember yang lalu.

Selain bersedia untuk menyelamat semasa banjir, PBS juga membantu membawa bekalan biji benih dari kawasan banjir ke kawasan yang lebih selamat untuk dihantar kepada pelanggan dan membawa kakitangan PPPTR keluar masuk semasa hadir bertugas.

Semoga PBS PPPTR terus cemerlang dan berbakti kepada Warga PPPTR, syarikat dan juga masyarakat setempat.



## ■ APA KATA MEREKA? Harapan 2021



Pandemik COVID-19 telah merubah kehidupan kita secara drastik. Di 2021, saya mengharapkan persekitaran hidup yang lebih teratur dan terancang agar lebih memudahkan urusan keluarga dan kerjaya.

**- Nur Afida Abd Rahim,  
FGV Refineries**



Saya mengharapkan agar 2021 memberikan sinar baharu untuk kita semua dari segi peribadi dan juga di tempat kerja. Kita mengalami banyak perubahan tetapi kita perlu melihatnya dengan positif. Semoga kita terus bekerjasama untuk memastikan syarikat terus berkembang dan menangani cabaran dengan lebih baik.

**- Vincent Tamin, FGVPUP**



Semoga lembaran 2021 memberi sinar yang terbaik dan saya mendoakan agar FGV akan terus makmur dan membuat keuntungan berlipat ganda. Dalam pada itu saya juga mengharapkan suasana kerja yang lebih kondusif dan semoga FGV menjadi sebuah syarikat yang inovatif dengan pencapaian yang tertinggi dan berlandaskan *"highest ethical standard"* dalam setiap perkara yang dilaksanakan.

**- Hidayani Ramzan, FGVH**



Saya berharap tahun 2021 ini akan menjadi lebih baik dari sebelumnya untuk syarikat dan kita warga FGV sekalian. Saya juga berharap saya mampu seimbangkan kerjaya dan keluarga. Kedua-dua elemen ini adalah penting dan simbol kejayaan sebenar.

**- Muhammad Raimy Safuan  
Md Rahim, FGV R&D**



Semoga dapat menyumbang tenaga, fikiran dan fizikal untuk kemajuan syarikat ke arah kejayaan di peringkat antarabangsa. Di samping itu juga saya berharap dikurniakan tahap kesihatan yang baik untuk diri sendiri dan keluarga.

**- Mohd Nazif Mohd Noor,  
FGVAS**

## TANYA DOKTOR POKOK



**S: Bilakah masa sesuai untuk tanaman dibaja dan disiram? -**

**Assemah Dorasani, DOPSB**

J: Tanaman seperti pokok bunga sesuai dibaja sebulan sekali. Boleh menggunakan baja NPKMg (15/15/15) untuk tujuan kesuburan pokok dan baja NPKMg (12/12/17/2) untuk menggalakkan pembungaan. Kadar pembajaan kira-kira 5-10 gram (1-2 sudu) pada pinggir pasu dan elakkan ditabur berdekatan dengan pangkal pokok. Pokok bunga elok disiram sekali atau dua kali sehari bergantung kepada kelembapan tanah.

**S: Berikan tiga sebab mengapa pokok bunga cepat gugur? - Zurita Tajudin, FGVH**

J: Bunga cepat gugur boleh disebabkan oleh kekurangan nutrien dan air yang mencukupi untuk mengekalkan kesegaran bunga serta

sifat-sifat semulajadi bunga tersebut. Digalakkan untuk menggunakan baja bunga seperti NPKMg (12/12/17/2) atau NPKMg (13/10/20) untuk meningkatkan kesuburan pokok dan kesegaran bunga. Jangan lupa untuk menyiram pokok secukupnya sehingga tanah lembap.



Pokok kari yang rosak

**S: Tanaman pokok kari saya cepat rosak. Apa yang perlu saya lakukan? - Nurain Md Gaush, FGVH**

J: Tanaman pokok kari cepat mati mungkin disebabkan oleh jangkitan penyakit akar daripada keadaan tanah yang terlalu lembap. Gunakan media tanah yang berpasir dengan saliran yang baik. Elakkan siraman yang berlebihan pada tanah yang mempunyai kandungan lempung (liat) yang tinggi dengan saliran yang lemah.

*Anda boleh hantarkan soalan-soalan berkaitan dengan tanaman anda kepada Doktor Pokok ke email groupstrategiccomms@fgvholdings.com atau WhatsApp ke 019-2004600 dan soalan anda akan dijawab dalam Cassia edisi hadapan.*

## ■ Sumbangan Van Jenazah Untuk Ahli Kariah PPPTR



Majlis penyerahan van jenazah oleh FGV kepada Masjid Kompleks Pusat Penyelidikan Pertanian Tun Razak (PPPTR), Tekam, Pahang berjaya disempurnakan pada 15 Disember yang lalu di kompleks berkenaan.

Ketua Jabatan Pengurusan Fasiliti, Muhammad Najib Ab Manan yang mewakili FGV telah menyerahkan van tersebut kepada Ketua Pegawai Eksekutif FGV Agri Services Sdn Bhd, Romzi Ishak sambil disaksikan oleh Zaaba Yahya yang merupakan pengurus masjid tersebut. Pembelian van yang bernilai RM123,000 ini dibiayai oleh zakat FGV.

Semoga pemberian van jenazah ini dapat memudahkan urusan dan dimanfaatkan oleh ahli kariah PPPTR, serta kariah sekitar.

## ■ Resipi Pilihan Gulab Jamun



Gulab jamun merupakan manisan atau pencuci mulut yang sangat terkenal di India. Hidangan ini memiliki rasa yang sangat manis. Jom kita cuba!

### Bahan-bahan:

- 1 cawan susu tepung
- 1/3 cawan tepung gandum
- 1/2 sudu teh soda bikarbonat
- 1/3 cawan susu mentega (*buttermilk*)
- 2 sudu teh minyak masak SAJI
- Kacang gajus / pistachio

### Bahan-bahan untuk sirap:

- 1 cawan gula MSM Prai
- 3/4 cawan air
- 2 paket kecil pemanis rendah kalori
- 4 biji buah pelaga
- Secubit safron

### Bahan-bahan untuk susu mentega (*buttermilk*):

- 1/4 cawan susu penuh krim
- 1 sudu teh cuka

### Cara-cara:

1. Untuk menyediakan susu mentega, gaulkan susu penuh krim dengan cuka. Ketepikan sebentar.

2. Untuk menyediakan sirap, didihkan gula, air dan buah pelaga sehingga sedikit pekat. Padamkan api, taburkan pemanis rendah kalori dan safron. Biarkan sejuk.
3. Ayukkan tepung susu, tepung gandum dan soda bikarbonat, ketepikan.
4. Gaul susu mentega dan minyak masak.
5. Satukan campuran tepung susu dan campuran susu mentega sehingga doh yang lembut dan melekit terbentuk.
6. Tambah sedikit susu lagi jika doh masih rapuh (mudah hancur).
7. Jangan uli doh terlalu lama kerana jika gluten mula terbentuk, bebola tidak dapat menyerap sirap gula dengan baik.
8. Gris tapak tangan dengan minyak dan jadikan doh bebola kecil.
9. Goreng-celup di atas api kecil hingga perang-keemasan.
10. Rendam dalam sirap pada suhu bilik sebelum dihidangkan.

Nota tambahan: Boleh juga letakkan kacang gajus atau pistachio sebagai *topping* Gulab Jamun.

#msmsgulaprai  
#gulaprai

# ■ KSFGV

## Mohd Azrull Pencipta Logo KSFGV



Pertandingan Mencipta Logo KSFGV yang diadakan pada awal tahun ini telah menerima lebih 30 penyertaan daripada warga FGV. Tiga penyertaan telah disenarai pendek dan pemenangnya telah dipilih di Mesyuarat Agung pertama KSFGV di Wisma FGV pada 29 September melalui undian.

Logo rekaan Mohd Azrull Masnam dari unit IT, FGVJB telah terpilih dan beliau telah menerima hadiah RM200 serta sijil penghargaan yang telah disampaikan oleh pengurus KSFGV Zon Johor, Zulazren Rubaai dan disaksikan oleh Ketua Pegawai

Esekutif FGVJB, Kamaradin Selamat pada 14 Disember.

Sudahkah anda menjadi ahli KSFGV?

KSFGV, kelab kita bersama.



## ■ #THROWBACK TRAVELOG Masjid Kristal Binaan Islam Terunggul

Dalam tempoh PKPP di Malaysia, di mana rentas negeri telah dibenarkan, sempatlah kami sekeluarga mencari peluang berkunjung ke Terengganu Darul Iman dengan mematuhi SOP yang telah ditetapkan.

Destinasi utama kami setibanya di sana menjelang petang ialah Masjid Kristal yang apabila dilihat dari luar, sungguh cantik binaannya. Salah satu masjid unik dan mempunyai keistimewaan tersendiri yang mampu menarik perhatian para pelancong. Kedudukannya di atas Sungai Terengganu seolah-olah kelihatan seperti masjid itu sedang terapung yang menambahkan lagi keunikannya.

Masjid ini dibina daripada kaca, kristal dan keluli dan merupakan masjid pintar yang

pertama di Malaysia serta mempunyai keluasan 2,146 meter persegi. Tetapi sayang sekali masjid ini ditutup sementara untuk menjalankan kerja-kerja membaik pulih.

Suasana petang di sekitar masjid ini sangat cantik. Pengunjung yang datang ke masjid ini tidak melepaskan peluang untuk melihat panorama keindahan matahari terbenam. Pelbagai sudut dan panorama yang sesuai untuk bergambar untuk diabadikan, kami sekeluarga juga tidak melepaskan peluang tersebut bergambar dengan berlatar belakangkan Masjid Kristal sebagai kenangan.

oleh:  
Nordiana Nordin  
FGV SSC

Anda mempunyai pengalaman yang menarik semasa percutian? Destinasi yang tidak dapat dilupakan? Jom berkongsi dengan kami! Karya daripada petugas FGV akan diterbitkan pada setiap keluaran edisi Cassia.

### SYARAT-SYARAT PENYERTAAN

1. Penulisan haruslah disertakan bersama foto bersaiz tidak kurang dari 2MB.
2. Penulisan anda haruslah tidak melebihi 250 patah perkataan.

Anda boleh menghantar karya travelog anda ke [groupstrategiccomms@fgvholdings.com](mailto:groupstrategiccomms@fgvholdings.com)

Tarikh tutup: 31 Januari 2021



# SOROTAN 2020



## DIS - JUN 2020

- FGV lindungi dan hormati hak pekerja migran - 22 Dis
- FGV Transport terima pensijilan logistik halal JAKIM - 15 Dis
- Ekosistem e-dagang hujung ke hujung dengan GOGOPASAR - 27 Nov
- FGV sasar jual 1.5 juta biji benih sawit ke India - 4 Nov
- Loji janakuasa tenaga boleh diperbaharui biogas terbesar FGV jana elektrik kepada 15,000 rumah di Pahang - 28 Okt
- Rangkaian produk FGVAS di kedai AMCO Niaga Sdn Bhd cawangan Kota Tinggi, Johor - 5 Okt
- Sebanyak RM5 Juta dana disalurkan setahun bantuan program tanggungjawab sosial korporat - 18 Sept
- Petugas di PPPTR menyaksikan sesi taklimat bersama GCEO secara maya - 14 Sept
- Agihan nasi lemak menggunakan santan dan beras SAJI kepada para petugas di Wisma FGV - 11 Sept
- MSM pelbagaiakan rangkaian produk dengan pemanis alternatif baharu: sukrosa rendah kalori, "Go½" dan campuran gula stevia, "GoNatura" - 14 Ogos
- Peningkatan permintaan bahan makanan mendadak disebabkan aktiviti perkebunan sendiri dan pertanian bandar semasa PKP - 7 Ogos
- Sejuta varieti pisang klon untuk penuhi permintaan pasaran - 31 Jul
- Perniagaan makanan haiwan diluaskan melalui pengedar PKS di seluruh negara - 24 Jul
- FGV Delivery perkhidmatan baharu FGV Transport - Jun
- Pemegang saham lulus semua resolusi pada Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) ke-12 - 19 Jun

# SOROTAN 2020



16.



17.



18.



19.



20.



21.



22.



23.



24.



25.



26.



27.



28.



29.



30.

## MEI - JAN 2020

- 16.** Projek Lembah Makanan Agro FGV (FGV Agro Food-Valley) di Chuping, Perlis - 22 Mei **17.** KedaiFGV.com dan KedaiFGV@Shopee secara rasmi digunakan oleh para pelanggan - 12 Mei **18.** Rangkaian produk tenusu Bright Cow keluaran FGV Dairy Farm Sdn Bhd - 24 Apr **19.** Dana wakalah zakat diserahkan semula kepada Pusat Pungutan Zakat – Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (PPZ-MAWP) untuk membantu individu terjejas sumber pendapatan akibat pandemik COVID-19 - 22 Apr **20.** Anak gajah angkat FGV bernama ‘Sahabat’ yang ditemui berkeliaran di kawasan ladang oleh pekerja FGV Sahabat - 30 Mac **21.** Program bantuan FReB santuni golongan susah semasa PKP - 26 Mac **22.** SAJI hulur bantuan kepada pasukan barisan hadapan - 20 Mac **23.** FGV capai 100 peratus pensijilan MSPO - 5 Mac **24.** Teh Tarik SAJI percuma untuk rakan-rakan media semasa membuat liputan di perkarangan Istana Negara - 26 Feb **25.** FGV Awards Night di Dewan Perdana Felda - 17 Feb **26.** Pencapaian 50 tahun R&D dipamerkan di Hari Terbuka R&D - 13 Feb **27.** Kolaborasi FGV dan Petronas kontrak membekal methanol - 6 Feb **28.** Bantuan zakat kepada murid-murid asnaf SK Lelaki Jalan Batu -21 Jan **29.** Persidangan Pakistan Edible Oils Conference (PEOC) 2020 di Pakistan - 20 Jan **30.** Petugas FGV dan keluarga serta larian FGV @ KL Car Free Morning 2020 - 19 Jan

# PERADUAN SUSUN KATA

*Susun huruf dengan jawapan yang betul bagi rangkaian jenama di bawah FGV.*

JSIA

WERAS TIMTETK

JIHRACO BIBA

LDEAA

GADEF IKV

ASR PMMI

GAPI RLEENSI

SJAA

RNTAOUGA

WOICTH GRB

DAHSA MLIELP

FARA 6UB5J SBSU

RAITA

RGAML APO

MEOAN KRGCTIAS

GIDN AGAUT

R8P8TO OG

WAN3MABY GYAI

OERM EP

3IR6QO GL

1ANGAMML BIY61

YVV LEDIGERF

GUUPGKN

5YOO GOR MCO

*Hadiah menarik untuk dimenangi!  
Emelkan jawapan anda ke [groupstrategiccomms@fgvholdings.com](mailto:groupstrategiccomms@fgvholdings.com)  
sebelum 31 Januari 2021*

TERBITAN  
Komunikasi Strategik Kumpulan

FGV Holdings Berhad NO 200701042133 (800165-P)  
Aras 20, Wisma FGV, Jalan Raja Laut  
50350 Kuala Lumpur, Malaysia

Petugas Kumpulan FGV dialu-alukan untuk menyumbang artikel kepada CASSIA melalui [groupstrategiccomms@fgvholdings.com](mailto:groupstrategiccomms@fgvholdings.com)



# KALENDAR CASSIA. 2021

## JANUARI

A	I	S	R	K	J	S
				1	2	
3	4	5	6	7	8	9
10	11	12	13	14	15	16
17	18	19	20	21	22	23
24	25	26	27	28	29	30
31						

## FEBRUARI

A	I	S	R	K	J	S
		1	2	3	4	5
7	8	9	10	11	12	13
14	15	16	17	18	19	20
21	22	23	24	25	26	27
28						

## MAC

A	I	S	R	K	J	S
		1	2	3	4	5
7	8	9	10	11	12	13
14	15	16	17	18	19	20
21	22	23	24	25	26	27
28	29	30	31			

## APRIL

A	I	S	R	K	J	S
		1	2	3		
4	5	6	7	8	9	10
11	12	13	14	15	16	17
18	19	20	21	22	23	24
25	26	27	28	29	30	

## MEI

A	I	S	R	K	J	S
		1				
2	3	4	5	6	7	8
9	10	11	12	13	14	15
16	17	18	19	20	21	22
23	24	25	26	27	28	29
30	31					

## JUN

A	I	S	R	K	J	S
		1	2	3	4	5
6	7	8	9	10	11	12
13	14	15	16	17	18	19
20	21	22	23	24	25	26
27	28	29	30			

## JULAI

A	I	S	R	K	J	S
		1	2	3		
4	5	6	7	8	9	10
11	12	13	14	15	16	17
18	19	20	21	22	23	24
25	26	27	28	29	30	31

## OGOS

A	I	S	R	K	J	S
		1	2	3	4	5
8	9	10	11	12	13	14
15	16	17	18	19	20	21
22	23	24	25	26	27	28
29	30	31				

## SEPTEMBER

A	I	S	R	K	J	S
		1	2	3	4	
5	6	7	8	9	10	11
12	13	14	15	16	17	18
19	20	21	22	23	24	25
26	27	28	29	30		

## OKTOBER

A	I	S	R	K	J	S
		1	2			
3	4	5	6	7	8	9
10	11	12	13	14	15	16
17	18	19	20	21	22	23
24	25	26	27	28	29	30
31						

## NOVEMBER

A	I	S	R	K	J	S
		1	2	3	4	5
7	8	9	10	11	12	13
14	15	16	17	18	19	20
21	22	23	24	25	26	27
28	29	30				

## DISEMBER

A	I	S	R	K	J	S
		1	2	3	4	
5	6	7	8	9	10	11
12	13	14	15	16	17	18
19	20	21	22	23	24	25
26	27	28	29	30	31	

- 1 Jan - Tahun Baru  
 12 Feb - Tahun Baru Cina  
 13 Feb - Tahun Baru Cina  
 29 April - Nuzul Al-Quran  
 1 Mei - Hari Pekerja  
 13 Mei - Hari Raya Aidilfitri  
 14 Mei - Hari Raya Aidilfitri  
 26 Mei - Hari Wesak
- 7 Jun - Hari Keputeraan YDP Agong  
 20 Jul - Hari Raya Aidiladha  
 10 Ogos - Awal Muharram  
 31 Ogos - Hari Kebangsaan  
 16 Sept - Hari Malaysia  
 19 Okt - Maulidur Rasul  
 4 Nov - Hari Deepavali  
 25 Dis - Hari Krismas

NOTA:

---



---



---



---



---



---



---



---



---



---